



ALEPPO: ANTARA KEMUSNAHAN, PENGKHIANATAN, PENGAJARAN DAN KEBANGKITAN SEMULA

Aleppo sudah menjadi padang jarak padang tekukur. Musuh-musuh Allah, termasuk para penguasa Muslim yang khianat, telah bersekongkol memusnahkan bumi Aleppo dengan segala kekuatan dan tipudaya yang mereka miliki. Apa yang kita saksikan di Aleppo sekarang dari segi serangan besar-besaran, pembunuhan beramai-ramai, penghancuran rumah dan bangunan di saat penghuninya masih berada di dalam, pemusnahan pepohonan dan segala makhluk hidup yang lainnya, semua ini bukanlah satu perkara baru untuk Amerika atau Rusia. Barat sudah biasa melakukan semua kejahatan ini, memusnahkan bumi umat Islam dan menumpahkan darah serta menodai kehormatan penduduknya, satu demi satu telah dilakukan mereka sejak dulu lagi. Apa yang musuh-musuh Allah itu lakukan ke atas Palestin, Afghanistan dan Iraq tidak pernah lepas daripada ingatan kita. Salah satu sebab berleluasanya kejahatan Amerika, Rusia dan lain-lain adalah kerana mereka yakin bahawa penguasa dan kepimpinan tentera kaum Muslimin bukan sahaja tidak akan bergerak untuk melawan mereka, sebaliknya penguasa dan tentera kaum Muslimin ini akan berpihak kepada mereka dan mendengar arahan mereka!

Saudara-saudara kita di Aleppo dibunuh di depan mata kita dan mata seisi dunia, disaksikan baik oleh mereka yang mendakwa sebagai sahabat Syria mahupun musuhnya. Namun, di sepanjang pembantaian Aleppo, kita tidak pernah melihat PBB atau mana-mana badan antarabangsa, yang selama ini mendakwa sebagai penjaga hak asasi manusia dan pencinta keamanan, bergerak untuk membantu Aleppo. Saudara-saudara kita di Aleppo dibunuh di depan mata OIC dan pemerintah umat Islam, yang hati mereka telah mati, mata mereka telah buta dan telinga mereka telah pekak daripada mendengar tangisan wanita dan anak-anak yang merintih meminta pertolongan mereka. Saudara-saudara kita di Aleppo dibunuh di hadapan tentera kaum Muslimin yang perasaan dan kaki-kaki mereka terbelenggu dengan sempadan *assabiyyah* dan *wathaniyyah* ciptaan penjajah, sehingga mereka merasa umat Islam di Aleppo umpama orang asing yang wajar dibiarkan mati begitu sahaja. Laungan dan raungan umat Islam yang meminta tolong di Aleppo telah bergema ke seluruh ceruk dunia, namun ramai yang masih berpeluk tubuh menyaksikannya.

Realitinya, musuh warga Syria bersama dengan mereka yang mengaku sebagai sahabat Syria dan sekutu-sekutu mereka, berserta dengan para pemimpin kumpulan penentang dan pembangkang yang berjaya dijinakkan, telah berkumpul bersama-sama. Mereka berhimpun dalam barisan yang sama, dalam rangka menentang warga Syam dan sebagai akibatnya Aleppo dihancurkan sehabis-habisnya hasil kesepakatan yang dicapai antara Amerika, Rusia, Iran, Turki, Arab Saudi dan beberapa yang lain. Aleppo telah dijual dengan harga yang rendah di pasaran Turki di saat harganya dipegang oleh pemimpin kumpulan penentang yang telah dijinakkan, yang dengannya mereka telah menyerahkan Aleppo kepada musuh Allah untuk dihancurkan. Jika tidak demikian halnya, masakan Dariya boleh bertahan selama hampir empat tahun, sedangkan Aleppo boleh lenyap dalam masa beberapa hari!?

Sesungguhnya kita bukannya kehilangan Aleppo hari ini, tetapi kita telah kehilangan Aleppo di saat para pemimpin kumpulan penentang mengikuti gencatan senjata dan rundingan tajaan Amerika. Kita telah kehilangan Aleppo di saat kita menerima pertolongan bersyarat dan kita memperjudikan keputusan serta keinginan kita kepada negara penyuaip (pengkhianat) yang kemudian menetapkan garis merah mereka yang membelenggu dan membelit leher-leher kita. Kita telah kehilangan Aleppo di saat kita menolak untuk berpegang teguh dengan tali Allah yang kukuh lagi kuat, lalu kita hilang kawalan ke atas kawasan dan kumpulan kita sendiri, di samping hilangnya keistimewaan dan kedudukan kita. Kita kehilangan semua ini dengan bayaran darah-darah para syuhada' dan dengan penderitaan orang-orang kita yang telah diusir.

Gencatan Senjata Yang Penuh Tipudaya Dan Khianat

Sesungguhnya gencatan senjata yang sedang terjadi di Syria sekarang merupakan perancangan kafir Amerika dan sekutu-sekutunya yang penuh tipudaya, kelicikan dan pengkhianatan. Siapa pun yang mempunyai keimanan tidak seharusnya terjebak atau menyokong gencatan senjata dengan rejim syaitan Syria ini, dengan dibantu oleh Rusia, dan Amerika yang berada di belakang semua ini. Bagaimana mungkin seseorang Muslim boleh bersetuju dengan gencatan senjata seperti ini, sedangkan hakikatnya:

1 - Perjanjian ini akan mengekalkan kuasa rejim pembunuh, yang selama ini telah membunuh lebih daripada 600,000 saudara-saudara kita dengan kejam, yang membunuh bayi-bayi dan kanak-kanak dengan serangan gas beracun dan senjata kimianya, dan yang menodai maruah beribu-ribu Muslimah kita. Menandatangani dan bersetuju dengan gencatan senjata tajaan kuffar Amerika dan Rusia ini tidak ubah seperti bersetuju memasuki perjanjian dengan sekutu-

sekutu syaitan. Bagaimana mungkin orang yang masih ada keimanan bersetuju terhadap perkara seperti ini?

2 - Jika sebelum ini rejim Syria yang membunuh para mujahidin dengan tangan mereka, namun melalui gencatan senjata ini yang kononnya untuk 'mencegah keganasan', bakal menyebabkan seseorang Muslim membunuh saudara Muslimnya yang lain. Ini akan terjadi tatkala mereka yang menandatangani perjanjian dipaksa berperang melawan saudaranya yang lain yang tidak bersetuju dengan perjanjian dan meneruskan perjuangan menentang pemerintah Syria yang zalim. Jadi Assad, Putin dan kuasa Barat yang menentang revolusi Syria yang mulia ini sejak awal, akan menggunakan tangan-tangan para pejuang revolusi sendiri, bagi menyempurnakan kerja-kerja jahat mereka. Akhirnya, para pejuang yang dulunya bersatu hati dan tenaga menentang si penyembelih, akan menjadi musuh yang menentang satu sama lain. Lebih malang apabila kaum Muslimin yang mendaftar diri untuk perjanjian kotor ini, akan membunuh saudara-saudara mereka sendiri, dalam rangka melindungi takhta orang yang menyembelih saudara-saudara mereka sendiri.

3 - Revolusi yang diberkati ini berlaku demi menghapuskan pemerintahan Firaun dan menggantikannya dengan pemerintahan yang diredhai oleh Allah SWT. Menandatangani gencatan senjata yang penuh tipudaya ini bermakna mengkhianati revolusi Islam yang telah dilakukan atas nama Allah dan mengkhianati darah ratusan ribu para syuhada' yang telah mengorbankan nyawa mereka di jalan Allah. Menandatangani gencatan senjata ini bermakna menyokong atau mengekalkan kesinambungan pemerintahan diktator lagi kufur sekali gus mengenyepikan usaha mewujudkan sistem pemerintahan Islam, sebuah sistem yang berasal daripada Allah SWT, Rabb sekalian alam yang wajib dipatuhi segala aturannya. Menandatangani

gencatan senjata yang ditaja oleh orang-orang kafir lagi zalim ini bermakna seseorang Muslim itu telah masuk ke dalam perangkap sekutu-sekutu syaitan itu sepenuhnya.

4 - Perjanjian licik lagi khianat ini tidak akan mewujudkan keamanan di Syria, sebaliknya pertumpahan darah terhadap Muslim yang ikhlas yang enggan tunduk kepada penyembelih Syria ini akan berterusan. Bashar dan Barat tentunya tidak akan berdiam diri terhadap siapa jua yang menentang mereka dan melalui gencatan senjata ini, mereka merasa lebih kuat dan selamat kerana usaha mereka ini mendapat sokongan badan-badan antarabangsa. Malah ada dalam kalangan para ulama dan kaum Muslimin yang turut menyokong usaha jahat yang penuh kelicikan oleh Barat ini, yang memberi kekuatan tambahan kepada sekutu-sekutu syaitan ini. Sesungguhnya keamanan dan kestabilan hanya akan wujud di bawah Islam, bukannya di bawah dominasi kuffar ke atas umat Islam. Lihatlah bagaimana Palestin, Mesir, Yemen, Libya dan lain-lain yang tidak pernah aman hasil rekayasa dan tipudaya kuffar Barat dengan pelbagai perjanjian dan rundingan yang mereka lakukan ke atas umat Islam.

5. Soalan yang kita perlu fikirkan dan jawab dengan jujur ialah, apakah bentuk masa depan ke atas umat Islam di Syria dengan penerusan pemerintahan rejim sekular yang kejam lagi pembunuh ini? Warga Syria telah melalui era pemerintahan Hafiz al-Assad (si bapa) dan kini masih lagi bergelut dengan era pemerintahan Bashar al-Assad (si anak) yang kekejaman kedua-dua ejen Amerika ini mengalahkan Firaun. Maka apakah jaminan bahawa pemerintahan ejen Amerika selepas gencatan senjata ini akan menjadi lebih baik? Adakah kita yakin bahawa warga Syam yang ikhlas akan dapat menikmati satu hari yang penuh kebahagiaan atau keselamatan di bawah rejim yang sentiasa dahagakan darah?

Tidakkah empat dekad panjang lagi gelap pemerintahan kuku besi ini merupakan bukti yang cukup nyata bahawa rejim ini tidak memahami apa-apa bahasa kecuali penindasan, pemejaraan, penyeksaan dan pembunuhan ke atas warganya yang inginkan penerapan hukum-hukum Allah di bumi Syam? Berapa dekad lagi yang kita perlukan sebagai bukti, untuk kita sedar dan akur? Berapa ramai lagi ejen Amerika yang kita perlukan dan berapa ratus ribu lagi nyawa kaum Muslimin yang perlu melayang, untuk kita sedar dan akur bahawa pemerintahan ejen Amerika ini tidak menjanjikan apa-apa kecuali kesengsaraan buat umat Islam?

Aleppo Tidak Akan Mati

Rusia (sebagai proksi Amerika) dan Bashar dengan bangga mengisytiharkan bahawa Aleppo telah jatuh ke tangan mereka. Sesungguhnya Aleppo tidak jatuh, namun puak-puak yang mendakwa bahawa mereka menang ke atas Aleppo, merekalah yang sebenarnya telah jatuh. Puak-puak yang menyuap duit kepada para pejuang supaya berundur dan menerima rundingan politik, merekalah yang sebenarnya telah jatuh. Puak-puak yang khianat dan munafik, merekalah yang sebenarnya telah jatuh. Ini kerana, segala topeng mereka telah hancur, segala komplot mereka telah terdedah, segala kejahatan dan pengkhianatan mereka telah terserlah di depan mata setiap insan yang beriman lagi jernih hatinya. Manakala para pejuang yang ikhlas pula semakin sedar siapa kawan dan siapa lawan, siapa yang perlu dinasihati dan siapa yang perlu diperangi. Semuanya sudah terbongkar dengan kehancuran Aleppo.

Kemusnahan Aleppo adalah sebahagian daripada perancangan Amerika, dan Rusia tidak lebih daripada kayu pemukul yang digunakan Amerika untuk melemahkan rantau tersebut dan mengheret para pejuang ke meja politik/rundingan. Namun, bagaimana teruk sekalipun Aleppo dihancurkan, sesungguhnya kehancuran Aleppo bukanlah akhir kepada revolusi Syam yang diberkati, tetapi merupakan permulaan kepada sebuah fasa baru

untuk para pejuang meluruskan jalan yang bengkok. Warga Syam yang ikhlas tidak akan menerima api revolusi mereka dipadamkan, sebaliknya api itu akan terus menyala dan kali ini dengan cahaya yang lebih terang dan lurus, dengan izin Allah Azza wa Jalla. Api ini kemudian akan menyambar dan melingkari kuffar penjajah, orang-orang munafik dan para pengkhianat dengan penuh kekuatan dan akan menghancurkan segala kejahatan mereka, dan sesungguhnya hal ini amatlah mudah bagi Allah.

Kepada para pejuang Syam yang ikhlas! Kami memohon kepada Allah agar tragedi ini menjadi satu permulaan baru untuk meluruskan arah dan jalan serta akan meletakkan perkara pada tempat letaknya. Rasulullah SAW bersabda, "*Seorang Mukmin itu tidak dipatuk dari lubang yang sama dua kali*" [HR Bukhari]. Kalian telah merasai betapa wang politik yang disuapkan kepada kumpulan penentang Bashar itu sesungguhnya sesuatu yang menghancurkan. Kalian telah menyaksikan apa yang dilakukan oleh para penyuar tersebut terhadap revolusi kalian, tidak lain kecuali sebuah pengkhianatan terhadap kalian dan terhadap Aleppo. Kalian telah mengetahui bahawa keikhlasan semata-mata tanpa kesedaran, telah menyia-nyaiakan pengorbanan dan menghilangkan hasil revolusi yang sepatutnya dinikmati oleh kita semua. Malah, kalian telah sedar bahawa semua kesilapan tersebut telah menjadi hadiah buat musuh-musuh kalian.

Jadi, apakah kalian akan terus tunduk atau bersetuju dengan musuh-musuh Allah dengan gencatan senjata yang penuh pengkhianatan dan tipudaya ini, atau kalian akan menjadikan kehilangan Aleppo sebagai isyarat amaran untuk memperbaiki ketakwaan dan tekad kalian. Maka, janganlah kalian mengikut petunjuk dan kehendak musuh, tetapi ikutilah petunjuk dan kehendak Allah. Janganlah kalian meletakkan kebergantungan kecuali kepada Allah. Sesungguhnya musuh tidak akan memberi kemenangan kepada kalian, tetapi Allah-lah yang akan memberi kemenanganNya kepada kalian, apabila kalian menolong agamaNya. FirmanNya, "*Wahai orang-orang yang beriman, jika kalian menolong (agama) Allah, nescaya Dia akan menolong kalian dan meneguhkan kedudukan kalian*" [TMQ Muhammad (47):7].

Oleh yang demikian wahai warga Syam, revolusi kalian hendaklah mengeneipkan semua kepimpinan yang telah dirantai dan berjaya dijinakkan oleh musuh-musuh kalian, seterusnya semua kumpulan perlu bersatu di bawah satu kepimpinan yang ikhlas lagi sedar, yang hanya meletakkan hala tuju perjuangan ke arah yang dikehendaki oleh Allah SWT dan mempunyai pandangan yang jelas dalam menyempurnakan visi dan misi revolusi kalian. Ia tidak akan memakan umpan yang dihulur oleh musuh-musuh revolusi tetapi sebaliknya ia akan terus berada dan membawa kalian di atas landasan yang benar dan berpegang teguh kepada tali Allah semata-mata. Ia akan memutuskan kesemua tali musuh-musuh Allah, yang menjerut kalian selama ini dan menyebabkan malapetaka sebagaimana yang kalian alami sekarang.

Khatimah

Sesungguhnya Syam adalah bumi yang dijanjikan oleh Allah dan RasulNya sebagai pusat Negara Islam. Sabda baginda SAW, "*Sesungguhnya pusat Darul Islam di Syam*" [HR Thabrani] Justeru, dengan izin Allah, Syam akan bangkit kembali dan membersihkan buminya dengan apa yang dikehendaki oleh Allah. Rasulullah SAW telah menjanjikan bahawa kota Konstantinopel akan dibuka dan dengan izin Allah pembukanya muncul dari tengah-tengah umat. Rasulullah SAW menjanjikan kota Rom akan dibuka dan Rasulullah SAW juga menjanjikan bahawa *Khilafah ala minhaj nubuwwah* akan kembali menaungi umat Islam Maka beruntunglah orang-orang yang sedang mempersiapkan diri untuk merealisasikan semua janji Rasulullah SAW ini dan rugilah orang-orang yang hanya menjadi penonton. *Wallahu a'lam.*